

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai segala perjanjian yang ditandatangani dan pembayaran wang yang telah dibuat antara kumpulan syarikat 1Malaysia Development Bhd dan "Aabar Investment PJS Limited" yang ditubuhkan di British Virgin Island. Siapakah pemilik syarikat "Aabar Investment PJS Limited" tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pihak pengurusan

1Malaysia Development Bhd (1MDB), aturan di antara 1MDB dan IPIC serta anak-anak syarikatnya dibuat secara *arm's length* (dengan izin) dan dengan terma-terma komersil yang mengikut piawaian pasaran. Pengumuman yang sewajarnya akan dibuat apabila *debt for asset swap* (dengan izin) dimuktamadkan dan dilaporkan di dalam laporan Penyata Kewangan beraudit yang akan datang.